



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

## **KAJIAN SENSITIVITI AGAMA: TINJAUAN AWAL DI SABAH**

### **[RELIGIOUS SENSITIVITY IN SABAH: AN OVERVIEW STUDY]**

NUR AZIAN ARATIN<sup>1</sup>  
NUR FARHANA ABDUL RAHMAN<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43300 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

\*Corresponding Author: [farhana@ukm.edu.my](mailto:farhana@ukm.edu.my)

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 16 October 2022

#### **Abstrak**

Sabah merupakan sebuah negeri yang kaya dengan kepelbagaian budaya, etnik, kaum, adat, pantang larang, agama dan kepercayaan yang berbeza-beza. Walaupun wujudnya perbezaan-perbezaan tersebut dalam kehidupan bermasyarakat di Sabah. Ia tidak menjadi penghalang kepada pembentukan hubungan baik dan toleransi yang tinggi dalam kalangan masyarakat Sabah. Keadaan ini jelas dilihat menerusi sikap keterbukaan masyarakat Sabah dalam beradaptasi dengan kepelbagaian adat dan budaya yang wujud dalam kalangan masyarakatnya serta penerimaan terhadap budaya kahwin campur merentasi kaum, agama, kewarganegaraan yang tinggi sehingga membentuk hubungan kekeluargaan yang mempunyai pelbagai anutan agama di Sabah. Suasana kehidupan masyarakat Sabah ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya toleransi yang tinggi serta suasana harmoni dalam kehidupan bermasyarakat di negeri itu. Namun, sejak kebelakangan ini timbul pelbagai isu-isu sensitif agama yang dianggap mampu menyentuh sensitiviti keagamaan bagi masyarakat di negeri Sabah jika tidak dikendalikan dengan cara yang betul. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menganalisis tahap hubungan, faktor pembentukan serta cabaran dalam pembentukan hubungan antara agama di Sabah. Selain itu, menganalisis isu-isu sensitif agama serta pihak bertanggungjawab dalam menguruskan konflik antara agama di Sabah. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan iaitu dengan merujuk artikel, jurnal, tesis yang mempunyai hubungkait dengan tajuk perbincangan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa tahap hubungan antara agama di Sabah adalah tinggi. Namun masyarakat beragama di Sabah turut berdepan dengan pelbagai cabaran dalam mengekalkan hubungan baik antara agama di Sabah. Antaranya, cabaran dari aspek politik, Media Massa serta sikap individu yang pentingkan diri sendiri. Namun kebangkitan isu keagamaan yang berbangkit di Sabah melibatkan isu teologi, isu tuntutan hak sosial dan isu sosial dalam kalangan masyarakat beragama di Sabah.

**Kata kunci:** Sabah, Toleransi, Hubungan baik, keharmonian, Isu-isu Sensitif Agama.

**Abstract**

*Sabah is a state rich in cultural diversity, ethnicities, races, customs, taboos, religions and different beliefs. Despite the existence of these differences in community life in Sabah, they do not become an obstacle to the formation of good relations and high tolerance among the Sabahan community. This situation is clearly seen through the openness of the Sabahan community in adapting to the diversity of customs and cultures that exist among the Sabahan community as well as the acceptance of the culture of intermarriage across races, religions, and high citizenships until the formation of family relationships that have various religious affiliations in Sabah. The atmosphere of life in Sabah clearly shows that there is a high tolerance and an atmosphere of harmony in community life in the state. However, in recent times, various sensitive issues have arisen that are considered capable of touching the religious sensitivities of the state of Sabah if not handled in the right way. Therefore, this study was conducted to analyze the level and challenges in interfaith relations in Sabah. In addition, analyzing religiously sensitive issues and parties responsible for managing inter-religious conflicts in Sabah. This study uses the bibliographic method by referring to articles, journals, theses that are related to the scope of the study discussion. The results of the study found that there is a good relationship between religions in Sabah. However, religious communities in Sabah are also faced with political challenges, mass media, individual attitudes that are self-important in maintaining the relationships that have been formed. The rise of religious issues in Sabah involves theological issues, social rights claims issues and social issues among religious communities in Sabah.*

**Keywords:** *Sabah, Tolerance, Good relations, harmony, Sensitive Religious Issues.*

**Cite as:** Nur Azian Aratin & Nur Farhana Abdul Rahman. 2022. Kajian Sensitiviti Agama: Tinjauan Awal di Sabah [Religious Sensitivity in Sabah: An Overview Study]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 182-200.

**PENGENALAN**

Malaysia merupakan sebuah negara yang terletak di Asia Tenggara serta kaya dengan kepelbagaian budaya, bangsa, agama dan kepercayaan yang berbeza-beza. Malah, pengamalan kehidupan yang berlandaskan adat dan tradisi yang diwarisi daripada nenek moyang bagi mengekalkan identiti etnik turut dilihat dalam negara ini. Hal tersebut secara tidak langsung menonjolkan keunikan kehidupan bermasyarakat yang wujud di Malaysia. Dalam negara Malaysia, terdapat 13 buah negeri dan tiga wilayah persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya yang terletak di Semenanjung Malaysia. Manakala satu lagi wilayah iaitu persekutuan Labuan yang terletak di Pulau Borneo. Manakala, 11 buah negeri tersebut terletak di Semenanjung Malaysia, sedangkan dua buah negeri lagi terletak di Pulau Borneo iaitu negeri Sabah dan Sarawak. Namun dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kajian terhadap negeri Sabah sahaja tanpa melibatkan negeri-negeri lain.

Sabah turut dikenali sebagai negeri di bawah bayu dan merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia. Dahulunya Sabah dikenali sebagai *North Borneo*. Negeri ini juga pernah berada di bawah jajahan kesultanan Sulu dan kesultanan Brunei suatu ketika dahulu sebelum memasuki Malaysia (Sharifah Damia 2020: 62). Sebelum kemasukan kehidupan beragama di

Sabah, masyarakat Sabah hidup dalam budaya pagan dan mengamalkan kepercayaan animisme (Mat Zin Mat Kib 2003). Namun kehidupan masyarakat Sabah mulai berubah selepas berlakunya penyebaran agama Islam dan Kristian di Sabah. Di mana masyarakat Sabah mulai mengamalkan kehidupan berlandaskan ajaran agama yang mereka anuti. Sabah turut mencatatkan sejarah perkembangan agama yang tersendiri yang tidak ditemui dalam catatan sejarah perkembangan agama di negeri-negeri lain di Malaysia.

Hal itu berlaku disebabkan oleh sejarah perkembangan agama di Sabah mempunyai hubung kait dengan pemerintahan politik sehingga menyebabkan penganutan agama Islam dan Kristian dalam kalangan masyarakat Sabah berubah-ubah mengikut fasa perkembangan parti politik yang menerajui kepimpinan pemerintahan di Sabah. Hal ini jelas dilihat ketika parti USNO yang dipimpin oleh Tun Datu Mustapha memegang tompok kepimpinan negeri Sabah pada tahun 1967-1976 yang mana telah berlakunya sejarah pengislaman secara beramai-ramai dalam kalangan masyarakat Sabah. Hal tersebut secara tidak langsung menambah jumlah penganut agama Islam di Sabah pada ketika itu (Suraya Sintang et al. 2019: 191-193).

Selain itu, Sabah turut dikenali sebagai negeri yang mempunyai toleransi yang tinggi dalam kalangan masyarakatnya serta mempunyai jalinan hubungan yang baik antara masyarakatnya walaupun berbeza dari sudut budaya, agama dan kepercayaan (Budi Anto Mohd Tarming 2020: 102). Hal ini turut diperakui oleh ramai ahli politik mahupun pemimpin Sabah bahawasanya Sabah merupakan negeri yang harmoni serta bertoleransi tinggi mempunyai serta patut dijadikan contoh buat negeri lain. Kewujudan suasana kehidupan yang harmoni dalam kehidupan bermasyarakat yang harmoni di Sabah berpunca daripada sikap keterbukaan masyarakat Sabah dalam menerima budaya suku kaum lain serta wujudnya interaksi yang baik dalam kalangan masyarakat Sabah tanpa mengambil kira status perbezaan yang wujud antara mereka.

Sungguhpun keharmonian dalam kalangan masyarakat Sabah telah terbentuk, namun ia tetap berdepan dengan pelbagai cabaran dan rintangan dalam mengekalkan keadaan harmoni dalam kalangan masyarakat disebabkan oleh kebangkitan isu-isu keagamaan yang dianggap mampu menyentuh sensitiviti masyarakat beragama di Sabah jika tidak dikendalikan dengan cara yang betul. Justeru dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis kajian-kajian lepas yang mempunyai hubung kait dengan skop perbincangan kajian sensitiviti agama di Sabah. Dalam kajian ini, pengkaji akan melakukan tinjauan terhadap subtopik berikut 1] kajian terhadap tahap hubungan agama di Sabah; 2] Faktor Pembentukan Hubungan Antara Agama di Sabah; 3] Cabaran hubungan agama di Sabah; 3] Isu sensitif dalam masyarakat beragama di Sabah; 4] Pihak yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan isu dan konflik di Sabah. Melalui kajian ini, dapat diketahui tahap hubungan yang wujud antara masyarakat beragama di Sabah, faktor yang mendorong pembentukan baik antara agama, cabaran dalam mengekalkan hubungan antara masyarakat beragama di Sabah, isu-isu keagamaan yang berbangkit dalam kalangan penganut agama di Sabah serta pihak yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan isu dan konflik yang berbangkit dalam kalangan masyarakat Sabah. Bukan itu sahaja, kajian ini juga sangat membantu dalam mencari kelompangan kajian serta membantu pengkaji seterusnya dalam memperluaskan kajian mereka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Sesuatu metode dan reka bentuk penyelidikan adalah perancangan awal sebelum memulakan pengkajian. Pemilihan metode dan reka bentuk penyelidikan yang tidak tepat akan mengakibatkan kesan yang besar terhadap hasil dapatan kajian dan menimbulkan masalah sekiranya maklumat-maklumat tersebut dikongsi dengan pengkaji-pengkaji yang lain sama ada melalui pembacaan mahupun perbincangan (Munawar & Shahizan 2017: 49). Justeru, reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif yang melibatkan instrumen pengumpulan data kajian secara kepustakaan. Norman (1994) mendefinisikan kualitatif sebagai suatu kaedah untuk menerokai dan memahami individu mahupun kumpulan yang terlibat dengan fenomena manusia dan masyarakat. Kaedah ini penting bagi pengkaji dalam mengenal pasti dan memahami sesuatu isu atau konteks kajian secara mendalam dalam situasi yang memerlukan interaksi secara langsung (Munawar & Shahizan 2017: 71).

Dalam pengumpulan data, pengkaji menggunakan kajian kepustakaan iaitu suatu kaedah yang memerlukan penyelidik melakukan penganalisan ke atas penulisan-penulisan mahupun kajian-kajian terdahulu bagi mendapatkan maklumat (Mohd Shaffie 1991). Oleh itu, pengkaji telah mengumpulkan data-data hasil pembacaan dari pelbagai sumber penulisan sama ada sumber primer mahupun sumber sekunder. Data-data tersebut dianalisis dan diteliti oleh pengkaji dengan terperinci untuk memastikan ketepatan info berkenaan. Antara sumber rujukan utama pengkaji adalah artikel, jurnal dan tesis yang mempunyai hubungan kait dengan skop perbincangan kajian sensitiviti agama khususnya bagi negeri Sabah. Setiap hasil dapatan yang diperolehi dalam kajian sebelum ini dikumpulkan oleh pengkaji bagi mencari kelompangan kajian yang belum dilakukan untuk rujukan pengkaji seterusnya.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dalam bahagian ini akan dibincangkan tentang analisis kajian-kajian lepas yang membincangkan tentang hubungan antara agama di Sabah, faktor yang mendorong pembentukan hubungan antara agama di Sabah, cabaran-cabaran dalam hubungan agama di Sabah, isu-isu keagamaan yang berbangkit di negeri Sabah serta pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan isu dan konflik yang berbangkit dalam kalangan penganut agama di Sabah. Berikut merupakan hasil analisis pengkaji terhadap aspek-aspek berikut:

### **Tahap Hubungan Agama di Sabah**

Pihak media seringkali menguarku-menerusi media sosial bahawasanya Sabah merupakan sebuah negeri yang aman dan harmoni serta perlu dijadikan contoh bagi negeri lain. Bahkan kajian yang membincangkan tentang toleransi antara kaum dan etnik di Sabah juga telah banyak dijalankan oleh para pengkaji sebelum ini dan kesemua hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa masyarakat Sabah mempunyai tahap toleransi yang tinggi sehingga membolehkan mereka hidup secara aman dan saling menerima antara satu sama lain. Namun kajian berkait dengan tahap hubungan antara agama di Sabah masih kurang

diketengahkan lagi. Justeru, dalam bahagian ini pengkaji akan melihat tahap hubungan antara penganut agama yang terbentuk dalam negeri Sabah berdasarkan analisis terhadap kajian-kajian lepas yang telah dijalankan khususnya kajian dalam konteks negeri Sabah.

Berdasarkan analisis terhadap kajian yang dijalankan oleh Suraya Sintang, Nur Farhana & Budi Anto (2019) tentang kesepaduan sosial dalam hubungan antara agama di kawasan Pedalaman Sabah mendapati bahawa tahap hubungan antara agama di kawasan tersebut adalah tinggi disebabkan oleh pengamalan toleransi agama dan budaya yang tinggi dalam kalangan masyarakatnya walaupun berbeza dari sudut pegangan agama, budaya dan adat. Malah masyarakat di kawasan Pedalaman Sabah juga mempunyai kesediaan yang tinggi dalam menangani perbezaan dan konflik yang berbangkit dalam kalangan mereka secara harmoni. Hal tersebut secara tidak langsung memudahkan mereka untuk saling menerima antara satu sama lain tanpa menjadikan agama sebagai jurang dalam menjalin hubungan. Bahkan, kewujudan toleransi yang tinggi dalam kalangan masyarakat Sabah ini dilihat jelas diilhami menerusi kewujudan rumah ibadat berbeza agama di lokasi berhampiran dan tidak menimbulkan sebarang isu buat masyarakat Sabah. Situasi ini boleh dilihat di beberapa kawasan perkampungan seperti kampung Pengalungan, Pensiangan, Tinanduk yang mana kedudukan gereja dan surau berada dalam halaman yang sama (Izham Unnip Abdullah 2018). Bahkan perkongsian tempat letak kenderaan antara masyarakat Muslim dan Kristian di Kawasan tersebut sewaktu mereka datang untuk beribadah. Justeru, melihat kepada situasi yang berlaku jelas menunjukkan bahawa wujudnya toleransi yang tinggi dalam kalangan masyarakat beragama di Sabah.

Seterusnya, dari segi hubungan inter-agama di Sabah juga berada pada tahap yang baik dan positif. Hubungan tersebut digambarkan melalui interaksi seharian yang berlaku dalam kalangan masyarakat Sabah dan bukannya secara bermusim mengikut sambutan perayaan mahupun melalui perbandingan kehidupan antara masyarakat Sabah dan Semenanjung. Faktor-faktor yang turut mendorong wujudnya toleransi antara masyarakat beragama di Sabah adalah pengamalan cara hidup ringkas, berkongsi kawasan kediaman dan penempatan, tidak ada etnik yang dominan sehingga membolehkan berlaku pergaulan bersama, berkongsi budaya yang hampir sama, pengamalan perkahwinan campur, perkongsian bahasa dan pertuturan yang sama serta wujudnya sikap cintakan perdamaian (Suraya et al 2022). Malah, negeri Sabah juga memiliki sikap toleransi agama dan budaya yang tinggi. Hal ini terbentuk melalui pergaulan dengan rakan yang berlainan agama dan budaya. Sikap baik tersebut meliputi sikap hormat terhadap pandangan dan pemikiran agama lain, hormat ajaran agama lain serta sikap hormat adat dan budaya agama lain. Selain itu, toleransi yang wujud dalam kehidupan bermasyarakat di Sabah turut dilihat melalui perbuatan tinggal serumah antara masyarakat Muslim dan non-Muslim, jamuan makan di rumah non-Muslim, perbuatan menghadiri majlis perkahwinan masyarakat bukan Islam serta menghadiri pengebumian bukan Islam (Rafidah et. al 2021).

Selain itu, kajian tentang hubungan antara agama yang dijalankan oleh Suraya Sintang et.al (2016) bagi daerah Tenom dan Tambunan. Hasil kajian mendapati bahawa tahap hubungan antara agama bagi dua kawasan tersebut adalah tinggi. Pembentukan hubungan baik dalam kalangan masyarakat bagi kawasan tersebut berlaku disebabkan kebanyakan mereka adalah daripada etnik yang sama iaitu Kadazan/Dusun, Murut & Rungus yang hakikatnya memiliki identiti yang sama sehingga memudahkan penduduk di kawasan tersebut

untuk saling berinteraksi dan menerima antara satu sama lain. Dapatan sama turut diperolehi kajian Supain dan Siti Norshahanie (2019) melalui kajiannya terhadap masyarakat beragama di Sipitang, Sabah. Hasil kajian mendapati bahawa wujudnya hubungan baik dan toleransi yang tinggi dalam kalangan penganut agama Islam, Kristian dan Buddha di Sipitang Sabah sehingga wujudnya tempat makan yang pemiliknya non-Muslim tetapi pekerjaanya Muslim. Malah sambutan mana-mana perayaan agama turut disambut secara bersama oleh masyarakat beragama di Sipitang, Sabah.

Memandangkan agama majoriti yang terdapat di negeri Sabah adalah Muslim dan Kristian. Maka tahap hubungan antara dua agama ini boleh dijadikan sebagai penanda aras untuk melihat tahap hubungan antara penganut agama di Sabah. Oleh itu, kajian yang dijalankan oleh Nur Azian (2021) terhadap hubungan antara penganut Muslim dan Kristian di Sabah mendapati bahawa tahap hubungan antara penganut Muslim dan Kristian di Sabah adalah tinggi. Kewujudan suasana tersebut disebabkan oleh pengamalan budaya kahwin campur antara agama yang tinggi dalam kalangan masyarakatnya, berlakunya perkongsian kegiatan ekonomi, berlakunya percampuran antara masyarakat Muslim dan Kristian dalam satu kawasan penempatan yang sama, wujudnya budaya bekerja bersama tanpa mengira agama serta tidak berlakunya pergaduhan dalam kalangan masyarakat Muslim dan Kristian di Sabah. Tahap hubungan antara agama yang tinggi dalam kalangan masyarakat Sabah turut dilihat dengan lebih jelas melalui pendirian komuniti masyarakat Kristian Sabah selepas berlakunya kebangkitan isu larangan penggunaan kalimah Allah. Walaupun berbangkitnya isu kalimah Allah tersebut, hubungan antara masyarakat Muslim dan Kristian di Sabah kekal positif dan tidak terdapat sebarang reaksi negatif yang boleh menjejaskan hubungan baik antara masyarakat beragama di Sabah. Malah, masyarakat di negeri tersebut tetap menjalankan kehidupan seharian seperti biasa dan tidak berlaku sebarang perubahan sejourus selepas berlakunya kebangkitan isu tersebut (Abd Hakim et. al 2017).

Malah terdapat juga kajian tentang hubungan Muslim-Kristian yang dijalankan di peringkat daerah. Antaranya, kajian yang telah dijalankan oleh Suraya et. al (2022) terhadap hubungan Muslim-Kristian di Kota Kinabalu dan Keningau Sabah. Hasil kajian turut mendapati bahawa tahap hubungan antara penganut agama Muslim dan Kristian di Sabah adalah tinggi. Malah perbezaan agama yang wujud dalam kalangan masyarakat beragama di Kota Kinabalu dan Keningau juga tidak menghalang daripada berlakunya interaksi secara meluas dalam aktiviti sosial harian masyarakat. Bahkan kesefahaman budaya antara penganut Muslim dan Kristian di daerah tersebut turut terserlah ketika berlakunya sambutan majlis keramaian atau perayaan dan ketika melakukan aktiviti secara bersama-sama. Kajian yang sama turut dijalankan oleh Nur Azian et.al (2021) terhadap hubungan antara Muslim-Kristian di daerah Ranau. Dapatan yang sama turut diperolehi. Namun pembentukan hubungan antara masyarakat di kawasan Ranau terbentuk melalui dialog kehidupan seharian yang dikongsi bersama seperti perkongsian aktiviti perniagaan di tamu dan pasar tani. Selain itu, terbentuknya interaksi yang baik melalui pengamalan budaya kahwin campur antara agama, pola penempatan yang dikongsi bersama antara penduduk Muslim dan Kristian serta pengamalan budaya bekerja bersama walaupun mempunyai pegangan agama berbeza. Oleh itu, interaksi yang dibentuk melalui aktiviti sosial yang dikongsi bersama adalah lambang hubungan baik penganut agama di Ranau.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas berkait yang membincangkan tentang hubungan antara agama di Sabah. Pengkaji mendapati bahawa tahap hubungan antara agama di Sabah adalah tinggi sehingga perbezaan agama yang berbangkit dalam kalangan masyarakat bukan penghalang buat mereka untuk menjalinkan hubungan. Malah, penerimaan masyarakat terhadap kepelbagaian penganutan agama dalam satu institusi kekeluargaan yang terbentuk melalui budaya perkahwinan campur juga adalah tinggi. Oleh itu, kesan baik yang dilihat oleh pengkaji apabila wujudnya hubungan baik yang terbentuk dalam kalangan penganut agama di Sabah membolehkan masyarakatnya hidup dalam keadaan aman dan harmoni tanpa menjadikan agama sebagai isu yang boleh memecahbelahkan kehidupan bermasyarakat yang wujud di Sabah. Malah, kesucian agama masing-masing turut terjaga. Hal ini selaras dengan arahan pemimpin Sabah agar tidak mencetuskan isu agama di Sabah sama ada menggunakan medium politik untuk membangkitkan isu tersebut, atau pun dengan cara membawa masuk budaya ekstrem beragama di Sabah (Utusan Borneo Online 2020).

### **Faktor Pembentukan Hubungan antara Agama di Sabah**

Antara faktor-faktor yang mendorong pembentukan hubungan baik antara agama di Sabah adalah perkongsian pengamalan adat dan ritual masyarakat Kadazansudun yang turut dikenali sebagai upacara Mikorot (minum darah) merupakan mekanisme yang mengiktiraf hubungan kekeluargaan dalam kalangan masyarakat Sabah walaupun berbeza anutan agama dan kepercayaan (Budi Anto Mohd Tamring 2018). Hal tersebut boleh berlaku dengan hanya menyertai upacara ritual mikorot tersebut sehingga selesai tanpa perlu berkahwin. Maka, sesiapa yang menyertai upacara ritual tersebut sehingga selesai mereka akan dianggap sebagai keluarga dan tidak dibenarkan berkahwin sesama mereka. Perlaksanaan upacara ritual ini boleh dilakukan antara individu yang sama kaum dan agama ataupun berbeza kaum dan agama. Pengamalan perkahwinan campur yang tinggi di Sabah menyebabkan terbentuknya ikatan kekeluargaan yang berbeza etnik mahupun agama dan menyebabkan wujudnya pembentukan hubungan yang lebih baik dalam kalangan masyarakat Sabah.

Selain itu, pengamalan budaya perkahwinan campur merentasi agama yang tinggi dalam kalangan masyarakat Sabah. Kajian yang dijalankan oleh Suraya & Budi Anto (2015) yang bertajuk *Menjana Keharmonian melalui Kahwin Campur di Sabah* yang telah dilakukan di daerah Keningau mendapati bahawa perkahwinan campur merupakan satu amalan biasa dalam kalangan masyarakat Keningau yang membentuk hubungan kekeluargaan berbeza anutan agama di Sabah sehingga membolehkan wujudnya interaksi yang baik dalam kalangan penganut agama. Dapatan sama turut diperolehi oleh Budi Anto Mohd Tamring et.al (2020) bahawa pengamalan budaya kahwin campur yang tinggi dalam kalangan masyarakat di Kota Kinabalu yang merentasi kaum, agama dan kewarganegaraan sehingga membentuk hubungan kekeluargaan yang agak besar dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Hal ini secara tidak langsung membolehkan mereka untuk saling mengenali dan menerima antara satu sama lain. Bahkan, kajian yang dijalankan oleh Nur Adira (2018) turut mendapati bahawa perkahwinan campur ini merupakan satu ruang yang menyatukan penduduk Sabah disebabkan kewujudan perbezaan yang ada mereka akan belajar untuk saling menghormati antara satu sama lain sehingga menjadi faktor kepada pembentukan hubungan baik antara penganut agama di Sabah.

Seterusnya, pengamalan cara hidup ringkas, berkongsi kawasan kediaman dan penempatan, tidak ada etnik yang dominan sehingga membolehkan berlaku pergaulan bersama, berkongsi budaya yang hampir sama, pengamalan perkahwinan campur, perkongsian bahasa dan pertuturan yang sama serta wujudnya sikap cintakan perdamaian (Suraya et al 2022). Malah keadaan masyarakat yang bercampur secara semula jadi sebelum kedatangan penjajah juga menyebabkan wujudnya interaksi yang baik dalam kalangan masyarakat Sabah (Budi Anto & Saidatul Nornis 2020). Bahkan wujud rumah ibadat yang dibina dalam satu halaman yang sama di Sabah dan ianya adalah perkara biasa bagi masyarakat beragama di Sabah sehingga mereka boleh menerima secara baik dan menghormati segala pengamalan ibadat yang berlaku di kawasan tersebut (Nur Adira 2018).

Faktor yang turut mendorong pembentukan hubungan baik antara penganut agama di Sabah adalah pengamalan perkongsian sosioekonomi yang berlaku di Sabah. Hal ini berlaku disebabkan wujudnya budaya tamu di Sabah iaitu salah satu medium perniagaan untuk menjual hasil tani yang wujud di Sabah. Pasar tamu ini diadakan di setiap daerah yang ada di Sabah. Namun waktu perlaksanaan adalah berbeza-beza bagi setiap daerah. Pada hari tamu tersebut penduduk akan melakukan kegiatan jual beli di tamu tersebut dan berlakunya interaksi yang baik dalam kalangan masyarakat di kawasan tersebut sehingga terjalin hubungan baik melalui kegiatan tersebut (Chong Han & Low Ai Fuah 2008). Malah kegiatan jual beli yang berlaku di pasar Kundasang juga merupakan salah satu medium terjalinnya hubungan antara masyarakat beragama di Sabah. Hal ini kerana, kegiatan tersebut bukan sahaja melibatkan antara penduduk setempat tetapi ia juga melibatkan penduduk luar Kundasang yang berlainan pegangan agama dan kaum. Kegiatan tersebut juga membolehkan berlakunya interaksi dua hala antara penjual dan pembeli (Nur Azian 2021).

Berikut merupakan antara faktor-faktor yang mendorong pembentukan hubungan baik antara penganut agama di Sabah berdasarkan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi oleh para pengkaji lepas. Namun, berdasarkan penganalisisan dan penelitian pengkaji terhadap hasil dapatan kajian yang telah diperolehi. Pengkaji melihat faktor utama yang menjadikan tahap hubungan dalam kalangan penganut agama di Sabah tinggi adalah pengamalan budaya perkahwinan campur yang telah diamalkan oleh masyarakat Sabah secara turun temurun daripada masyarakat terdahulu Sehingga berlakunya percampuran antara masyarakat beragama dalam skop yang lebih besar.

### **Cabaran Hubungan Agama di Sabah**

Umum mengetahui bahawa wujudnya hubungan baik dalam kalangan masyarakat di negeri Sabah walaupun berbeza anutan agama dan kepercayaan. Kewujudan suasana tersebut berpunca dari sikap terbuka masyarakat Sabah dalam menerima antara satu sama lain. Namun, dalam mengekalkan hubungan baik dan harmoni dalam kalangan masyarakat Sabah pastinya berdepan dengan pelbagai cabaran dan rintangan daripada dalam mahupun luar negeri Sabah. Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas yang membincangkan tentang cabaran hubungan antara agama di Sabah. Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa cabaran dalam mengekalkan hubungan baik dalam kalangan masyarakat beragama di Sabah.



Antaranya, cabaran politik. Konflik politik di Sabah berlaku akibat pertembungan antara dua peradaban besar dunia iaitu Islam dan Kristian (Bainol Lazimin 2018). Oleh itu, politik jika tidak dikendalikan dengan cara yang betul akan menyebabkan berlakunya konflik dalam kalangan masyarakat beragama di Sabah. Keadaan tersebut menjadi lagi rumit sekiranya terdapat parti politik yang menyebelahi satu-satu agama dalam pemerintahan kerana ia akan menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan masyarakat beragama di Sabah kerana wujudnya unsur berat sebelah (Azian 2021). Keadaan ini boleh dilihat dengan jelas ketika pemerintahan Parti Pertubuhan Kebangsaan Bersatu Sabah (USNO) di negeri Sabah apabila kelebihan diberikan kepada penganut agama Islam sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penganut agama Kristian kerana hak kebebasan beragama mereka telah disekat (Alexzender Ginli 2018). Keadaan sama turut dilihat apabila berlakunya penolakan parti PAS dalam kalangan masyarakat Sabah disebabkan parti tersebut bukan parti lokal bagi negeri Sabah dan lebih menekankan unsur keagamaan (IniSabahBah 2020).

Malah kewujudan budaya politik etnikisme dalam kalangan masyarakat Sabah turut menyebabkan berlakunya persaingan antara etnik yang boleh membawa kepada konflik dan kekerasan dalam kalangan masyarakat beragama di Sabah jika tidak dikendalikan dengan cara yang betul. Buktinya, boleh dilihat melalui peristiwa pengeboman yang berlaku di Sandakan pada tahun 1976 dan di kota Kinabalu pada tahun 1988. Tindakan kekerasan tersebut berlaku disebabkan oleh budaya politik berasaskan etnik yang diamalkan di negeri Sabah pada ketika itu serta ditandakan melalui kejayaan dan kejatuhan sesebuah parti pemerintahan. Situasi tersebut secara tidak langsung memperlihatkan politik sebagai salah satu cabaran dalam hubungan antara agama di Sabah (Ramli Dollah et. al 2018). Oleh itu, dapat dilihat dengan jelas bahawa politik merupakan antara cabaran dalam mengekalkan hubungan baik dalam kalangan masyarakat Sabah sekiranya ia tidak dikendalikan dengan cara yang betul.

Seterusnya, cabaran media sosial. Cabaran ini berbangkit apabila wujud penyalahgunaan media sosial dalam kalangan masyarakat Sabah sehingga mampu mempengaruhi pemikiran dan mengubah pandangan seseorang individu serta melahirkan masyarakat yang ekstrem dalam beragama. Selain itu, media sosial turut dijadikan medium perdebatan dalam kalangan masyarakat bagi melontarkan hujah-hujah yang boleh menyakitkan hati pihak lain (Azian 2021). Dapatan sama turut diperolehi oleh Mohd Izham Unnip (2016) melalui kajiannya yang bertajuk Pengaruh Media Sosial Ancaman Baharu Perpaduan turut mendapati bahawa pengaruh media sosial merupakan ancaman baharu perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini berikutan tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan media sosial sebagai ruang untuk menyebarkan cerita yang tidak benar sehingga menjejaskan keharmonian dalam kalangan masyarakat pelbagai anutan agama dan kepercayaan di Sabah. Hal ini turut diperkukuh melalui pernyataan bekas Ketua Menteri Sabah iaitu Datu Seri Musa Aman bahawasanya pengguna media sosial perlu berhenti dalam berkongsi cerita yang tidak disahkan kebenarannya kepada masyarakat umum kerana ia hanya membuatkan masyarakat berpecah-belah (Berita Harian Online 2007).

Seterusnya, wujudnya cabaran dari segi agama dan kepercayaan. Kajian yang dijalankan oleh Nevashiny Karupiah et.al (2021) mendapati bahawa pengamalan perkahwinan campur antara komuniti Sino-Kadazan di Sabah turut berdepan dengan cabaran agama dan kepercayaan sekiranya pasangan tersebut mempunyai anutan agama yang berbeza. Keadaan ini berlaku disebabkan pasangan tersebut terpaksa memilih agama yang bakal dianuti selepas

berkahwin. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan berlakunya kes pertukaran agama yang boleh menimbulkan isu sensitif agama sekiranya tidak dikendalikan dengan cara yang betul. Oleh itu, tidak dinafikan isu agama merupakan isu yang sensitif bagi masyarakat. Pernyataan ini turut disokong oleh Sanusi Osman (1981) kerana isu agama dilihat sangat sensitif kepada kebanyakan masyarakat walaupun pada zaman moden. Walaupun begitu, kepercayaan boleh wujud selari dengan adat selagi ianya tidak bercanggah dengan agama.

Di samping itu, kerja dakwah secara besar-besaran yang dilakukan sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat beragama di Sabah juga dilihat sebagai cabaran dalam hubungan antara agama di Sabah. Buktinya dapat dilihat ketika penyebaran agama Islam secara pesat pada zaman pemerintahan parti USNO sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat Kristian di Sabah kerana hak kebebasan mereka telah disekat dan wujudnya unsur berat sebelah (Alexzender Ginli 2018). Malah penyebaran agama Kristian secara besar-besaran juga berlaku di Kota Marudu ketika pemerintahan Parti Bersatu Sabah (PBS). Keadaan tersebut terjadi disebabkan kawasan Kota Marudu merupakan antara kawasan penempatan etnik Kadazandusun yang merupakan sasaran utama dalam penyebaran agama Kristian. Malah kebanyakannya etnik Kadazandusun dilihat lebih cenderung memilih agama Kristian sebagai agama anutan kerana dirasakan lebih sesuai dan hampir sepadan dengan kepercayaan animisme yang mereka pegang sebelum menganut mana-mana agama (Bainol Lazimin 2018). Oleh itu, penyebaran dakwah yang terlalu ekstrem sehingga menyebabkan ketidakselesaan dalam kalangan masyarakat Sabah juga boleh menjejaskan hubungan baik antara masyarakat sekiranya ia tidak dikendalikan dengan cara yang betul.

Cabaran dalam mengekalkan hubungan baik antara agama juga dilihat menerusi cabaran ancaman dan keselamatan Sabah. Keadaan komposisi masyarakat Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik serta wujudnya permasalahan dari sudut perbezaan negara bangsa antara cabaran dalam urusan keselamatan negeri Sabah. Seterusnya, berlakunya masalah migran ekonomi yang sah dan tidak sah. Sungguhpun migrain ekonomi banyak membantu dalam meningkatkan ekonomi, namun kehadiran mereka mula disekuritikan disebabkan migrain Sabah dilihat makin mendominasi tahap ekonomi negeri Sabah. Keselamatan negeri Sabah juga semakin terdedah dengan pelbagai sumber ancaman apabila pegawai agensi keselamatan negeri sendiri bersekongkol dengan agensi luar. Oleh itu, ancaman keselamatan seperti gangguan anasir luar yang dialami oleh masyarakat Sabah turut mempengaruhi hubungan baik yang terbentuk antara etnik di Sabah jika tidak dikendalikan dengan cara yang betul disebabkan masing-masing ingin mempertahankan diri (Suhaili et. al 2018).

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Shahrudin et. al (2015) mendapati cabaran dalam hubungan antara agama adalah proses sosialisasi yang terhad iaitu wujudnya golongan yang tidak memahami kepelbagaian budaya dan adat resam yang ada, wujudnya suasana politik dalam negara yang berasaskan kaum, wujudnya sikap prejudis (prasangka) dalam menjalani kehidupan bermasyarakat, wujudnya diskriminasi antara agama mahupun kaum serta banyak lagi. Kajian yang dijalankan oleh Nur Azian (2021) turut mendapati bahawa pengurusan politik yang tidak betul, penyalahgunaan media massa, sikap pentingkan diri dalam menjalani kehidupan bermasyarakat serta sikap ekstremis terhadap agama dan adat sehingga tidak boleh bertolak ansur dengan orang lain merupakan antara cabaran dalam hubungan Muslim-Kristian di Sabah.

Berdasarkan tinjauan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan di atas, pengkaji mendapat bahawa wujudnya beberapa cabaran dalam mengekalkan hubungan baik dan positif dalam kalangan masyarakat di Sabah. Pengkaji turut mendapati bahawa cabaran dari sudut politik merupakan cabaran yang utama sekiranya ia tidak dikendalikan dengan cara yang betul. Namun kajian berkait dengan cabaran dalam hubungan antara agama di Sabah masih kurang dibincangkan. Malah penulisan ilmiah berkait dengan cabaran dalam hubungan antara agama ini juga masih kurang diketengahkan khususnya dalam konteks negeri Sabah.

### **Isu Sensitif Dalam Kalangan Masyarakat Beragama di Sabah**

Berdasarkan tinjauan awal pengkaji terhadap kajian-kajian lepas yang membincangkan tentang isu-isu keagamaan yang berbangkit di negeri Sabah. Pengkaji mendapati bahawa kebangkitan isu-isu keagamaan di negeri Sabah melibatkan isu teologi, isu tuntutan hak teologi dan juga isu sosial. Justeru, dalam bahagian ini penjelasan mengenai isu-isu keagamaan yang berbangkit di negeri Sabah akan dikelaskan kepada tiga bahagian yang meliputi isu teologi, isu tuntutan hak sosial dan isu sosial.

#### **i. Isu-isu Teologi**

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati terdapat beberapa isu keagamaan yang berbangkit di negeri Sabah melibatkan isu teologi. Antaranya, isu pertukaran agama yang berlaku disebabkan oleh perkahwinan campur antara agama. Dapatan kajian yang diperolehi oleh Nur Azian et. al (2021) mendapati amalan perkahwinan campur antara agama yang diamalkan dalam kalangan masyarakat di negeri Sabah telah menyebabkan berlakunya kebangkitan isu pertukaran agama ini. Hal ini berlaku disebabkan pihak yang terlibat dengan perkahwinan campur antara agama akan berdepan dengan situasi pemilihan agama yang bakal dianuti selepas berkahwin. Walaupun begitu, mana-mana perkahwinan campur antara agama yang melibatkan agama Islam hendaklah menjadikan agama Islam sebagai agama yang dianuti selepas berkahwin selaras dengan undang-undang yang telah ditetapkan di Malaysia. Hasil kajian yang dilakukan oleh Mohd Ridhuan (2009) mendapati bahawa terdapat kes permohonan keluar Islam di mahkamah Syariah dalam kalangan masyarakat Sabah yang mengamalkan perkahwinan campur. Keadaan tersebut berlaku disebabkan oleh kekecewaan terhadap kehancuran rumahtangga yang berlaku sehingga menyebabkan pihak tersebut memilih untuk kembali ke agama asal sebelum berkahwin.

Selain itu, isu penyebaran agama Islam dalam era pentadbiran Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) pada tahun 1967-1976 (Alexzender Ginli 2018). Kebangkitan isu penyebaran agama Islam tersebut berpunca daripada perlaksanaan dasar pengislaman secara beramai-ramai dalam kalangan masyarakat Sabah yang dilaksanakan oleh parti USNO bawah pimpinan Tun Datu Mustapha. Dasar pengislaman yang dilaksanakan tersebut telah menyebabkan jumlah penganut agama Islam lebih ramai berbanding penganut agama Kristian pada ketika itu. Keadaan tersebut telah melahirkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk Kristian Sabah kerana hak kebebasan beragama mereka telah disekat

sehingga muncul dakwaan dalam kalangan pemimpin dan masyarakat Kristian di Sabah bahawa dasar kerajaan negeri tidak adil dan hanya mengutamakan perkembangan agama Islam kerana mubaligh Kristian dihantar balik ke negara asal mereka (Ginsari 2015: 285).

Sekalipun tindakan pengislaman secara beramai-ramai telah lama berlaku, namun impak daripada tindakan tersebut dilihat sehingga kini. Buktinya timbul permasalahan dalam kalangan penganut agama Islam di Sabah seperti masalah kekaburan dan kecelaruan identiti agama dalam kalangan waris mahupun anak-anak daripada ibu bapa yang terlibat dalam program pengislaman secara beramai-ramai itu dan berlaku penggunaan nama yang selalu digunapakai oleh orang Islam dalam kalangan masyarakat yang bukan beragama Islam (Suraya Sintang et. al 2019: 197). Impak negatif daripada program pengislaman secara beramai-ramai itu juga dilihat menerusi pertambahan bilangan jumlah permohonan keluar Islam di mahkamah Syariah, Sabah. Hal tersebut berlaku disebabkan mereka yang terlibat dalam program pengislaman tersebut tidak mendapat bimbingan mengenai ajaran Islam (Pg Ismail & Siti Zubaidah 2015).

Seterusnya, isu pengesahan status agama anak di Mahkamah Syariah. Kebangkitan isu tersebut berpunca daripada perkahwinan adat bukan Islam dengan pasangan yang beragama Islam. Hal ini berlaku disebabkan pemohon yang tidak mempunyai status agama yang jelas kerana salah seorang ibu bapa mereka bukan beragama Islam ataupun kedua ibu bapa mereka memeluk Islam ketika mereka masih kanak-kanak lagi. Justeru, bagi pengesahan status agama mereka memerlukan pengesahan daripada pihak mahkamah Syariah (Pg Ismail et. al 2015). Manakala, bagi isu kalimah Allah ia bukanlah suatu isu sensitif bagi masyarakat di negeri Sabah. Hal ini jelas dilihat menerusi kajian yang dijalankan oleh Abd Hakim Mohad et. al (2015) dalam memahami sikap masyarakat Kristian terhadap masyarakat Islam berkait dengan larangan menggunakan kalimah Allah. Dapatan kajian mendapati bahawa sikap masyarakat Kristian ke atas masyarakat Muslim adalah positif dan kehidupan mereka berjalan seperti biasa seperti tidak ada apa-apa yang berlaku.

## **ii. Isu Tuntutan Hak Sosial**

Isu tuntutan hak sosial yang berbangkit di Sabah juga melibatkan isu penolakan terhadap parti PAS oleh masyarakat di negeri Sabah. Isu ini juga merupakan isu yang sensitif bagi masyarakat beragama di Sabah. Kebangkitan isu berlaku disebabkan masyarakat Sabah merasakan parti PAS akan memainkan sentimen keagamaan. Penglibatan PAS dalam urusan tadbir Kerajaan Negeri Sabah yang baharu turut mendapat bantahan dalam kalangan masyarakat Sabah terutama sekali dalam kalangan penganut agama Kristian. Penolakan terhadap parti PAS dalam kalangan masyarakat Sabah adalah disebabkan parti tersebut bukan parti local dalam konteks negeri Sabah (Nur Azian 2021: 55). Selain itu, turut berlaku kebangkitan isu bantahan sambutan Krismas dan tahun oleh parti PAS di Tawau pada tahun 2019 yang dilihat menerusi media massa. Isu ini mendapat pelbagai reaksi buruk terutama dalam kalangan masyarakat Kristian di Sabah (Malaysiakini.Com 2019). Pengkaji melihat banyak lagi isu-isu sensitif yang melibatkan isu tuntutan hak sosial yang disebarkan melalui media massa. Namun penulisan secara ilmiah berkait isu ini masih kurang diketengahkan.

### iii. Isu Sosial

Isu sosial yang berbangkit dalam kalangan masyarakat Sabah melibatkan isu perkahwinan adat bukan Islam. Kebangkitan isu ini berpunca daripada tindakan segelintir masyarakat Sabah yang memilih untuk berkahwin secara adat bukan Islam atau secara kampung. Hasil daripada perkahwinan adat ini menyebabkan wujudnya pasangan yang mempunyai status agama yang berbeza (Pg Ismail Pg Musa & Siti Zubaidah Ismail 2015: 69). Perkahwinan adat bukan Islam tersebut juga menimbulkan masalah sekiranya individu yang mengamalkan perkahwinan tersebut daripada kalangan penganut beragama Islam kerana wujudnya permasalahan dalam penentuan status agama anak. Maka mereka perlu melakukan pengesahan status agama dan sekaligus menambah jumlah kes permohonan keluar Islam di Mahkamah Syariah Sabah. Seterusnya, kemunculan isu kahwin kampung dalam kalangan masyarakat Sabah. Kahwin kampung merupakan perkahwinan yang dilakukan di rumah dan perkahwinan tersebut tidak didaftarkan. Impak negatif daripada amalan perkahwinan kampung ini akan menimbulkan kesukaran dalam pendaftaran anak yang baru dilahirkan (Nur Azian 2021).

Di samping itu, kebangkitan isu *sogit* (denda kepanasan kampung) disebabkan oleh kekeliruan netizen terhadap pengamalan adat *sogit* yang diamalkan oleh masyarakat Sabah. Kebangkitan isu ini berlaku disebabkan tindakan sekumpulan pemimpin adat masyarakat setempat menjalankan upacara “menenangkan” semangat atau dewa yang menjaga Gunung Kinabalu dengan melakukan upacara penyembelihan beberapa ekor ternakan sebagai korban sejurus selepas kejadian Gempa Bumi di Gunung Kinabalu pada Mac 2015. Upacara tersebut telah menimbulkan persoalan dalam kalangan netizen di laman sosial berkenaan kewajaran upacara tersebut kerana ianya bertentangan dengan ajaran Islam (pg Ismail pg Musa et.al 2018: 2). Berkait isu *sogit* ini juga, Mufti kerajaan Negeri Sabah berpandangan bahawa *sogit* kepanasan kampung ke atas orang Islam adalah tidak dibenarkan. Meskipun undang-undang tersebut adalah sebahagian daripada undang-undang adat di Mahkamah Anak Negeri disebabkan ia tidak boleh dianggap *urf* yang dibenarkan oleh hukum. Namun dalam beberapa keadaan, *sogit* kepanasan kampung ini wajar bagi tujuan dakwah (Pg Ismail Pg Musa et. al 2015: 9).

Ringkasnya, isu keagamaan yang berbangkit di negeri Sabah melibatkan isu teologi, isu tuntutan hak teologi dan isu sosial. Namun, kebangkitan isu yang melibatkan isu teologi lebih banyak dibangkitkan dalam kalangan masyarakat beragama di Sabah berbanding isu lain. Berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap isu-isu keagamaan yang berbangkit di Sabah, pengkaji melihat tindakan perlaksanaan dasar pengislaman secara beramai-ramai sewaktu era pemerintahan parti USNO ke atas negeri Sabah merupakan suatu tindakan yang paling banyak menimbulkan implikasi negatif terhadap kehidupan masyarakat beragama di Sabah terutama sekali dalam kalangan penganut agama Islam kerana tindakan tersebut menyebabkan kemunculan isu keagamaan yang lain seperti berlakunya pertambahan jumlah kes permohonan keluar Islam di mahkamah Syariah disebabkan tidak pernah menerima didikan berkait agama Islam selepas diislamkan, timbulnya kekeliruan dan kecelaruan identiti agama dalam kalangan ahli waris yang terlibat dalam program, pengislaman tersebut. Malah pengkaji turut melihat perbincangan berkait dengan isu-isu sensitif agama di Sabah banyak dibincangkan menerusi media sosial. Namun pengkajian secara ilmiah berkait isu-isu sensitif

agama di Sabah masih kurang diketengahkan. Justeru, pengkaji melihat terdapat kelompangan kajian berkait isu-isu sensitif agama di Sabah.

## **PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM MENYELESAIKAN ISU & KONFLIK DI SABAH**

Setiap konflik yang berbangkit dalam kalangan masyarakat pastinya terdapat cara serta kaedahnya tersendiri yang telah disusun dalam menyelesaikan konflik tersebut. Begitu juga dengan negeri Sabah, kaedah penyelesaian konflik yang berbangkit dalam kalangan masyarakatnya telah pun disusun bagi mengelakkan dari berlakunya perpecahan dalam kalangan masyarakatnya. Berdasarkan tinjauan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa setiap konflik mahupun isu yang berbangkit dalam kalangan masyarakat Sabah diselesaikan dengan cara yang baik tanpa berlakunya perbalahan.

Penyelesaian konflik dalam kalangan masyarakat Sabah dilihat agak berbeza dengan negeri lain. Hal ini kerana, masyarakat peribumi Sabah terikat dengan undang-undang adat yang terletak di bawah Mahkamah Anak Negeri Sabah. Oleh itu, setiap pelanggaran adat yang berlaku dalam kalangan masyarakat Sabah yang melibatkan hal-hal perkahwinan, pengambilan anak angkat, perlakuan sumbang mahram, perebutan tanah, pembayaran denda (*sogit*) dan beberapa perkara lain akan diselesaikan melalui Mahkamah Anak Negeri Sabah. Hal ini kerana, bidang kuasa mahkamah anak negeri adalah menguruskan hal-hal perbicaraan yang berlaku dalam kalangan penduduk asal negeri Sabah berdasarkan undang-undang adat (Rosazman Hussin 2021: 281-282). Undang-undang adat tetap dikenakan kepada orang Islam tanpa adanya pengecualian selagi mana ia berstatus bumiputera Sabah. Oleh itu, mana-mana pelanggaran adat yang dilakukan oleh orang Islam tetap dijatuhkan hukuman mengikut jenis kesalahan yang dilakukan dengan berpanduan kepada hukuman adat seperti denda *sogit* kepanasan bagi kesalahan sumbang mahram (Pg Ismail Pg Musa et. al 2020).

Menurut Azlizan & Salbiya (2020), penubuhan Mahkamah Anak Negeri di Sabah ini turut dipengaruhi oleh pengaruh undang-undang adat, menjimatkan kos pentadbiran BNBBCC, mengelakkan penentangan penduduk tempatan dan disebabkan oleh pertambahan populasi penduduk di Sabah. Namun dalam konteks masa kini, tadbir urus Mahkamah Anak Negeri dibahagikan kepada dua peringkat tadbir urus yang utama iaitu tadbir urus di peringkat Kampung dan tadbir urus di peringkat daerah. Tadbir urus di peringkat kampung merupakan penyelesaian masalah yang berbangkit dalam kalangan penduduk kampung. Perlaksanaan urus tadbir di peringkat daerah adalah berbeza-beza bagi setiap daerah di Sabah. Rosazman Hussin 2021: 290).

Kajian yang dijalankan oleh Rafidah et. al (2019) terhadap sistem kehakiman negeri Sabah dalam konteks perlaksanaan hukuman dan denda adat menunjukkan bahawa masyarakat peribumi Sabah masih mempertahankan tradisi adat resam, amalan pantang-larang dan juga hukuman *sogit* dalam mengawal tingkah laku masyarakat. Oleh itu, kewujudan sistem kehakiman yang berteraskan amalan tradisi dilihat mampu memelihara kesantunan budi dan keluhuran adat dalam kalangan masyarakat peribumi Sabah. Malah, konflik yang berbangkit dalam kalangan masyarakat Sabah juga diselesaikan menggunakan undang-undang adat bagi mendapatkan keadilan kepada pihak yang teraniaya dan bagi memuaskan hati kedua-dua pihak terlibat dalam konflik berlaku agar keamanan dapat dicapai.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Tarmizi M. Jakfar & Nur Azizah (2018) tentang peranan majlis sulh dalam penyelesaian hak hadanah pasca perceraian kes di mahkamah Syariah Tawau. Hasil kajian mendapati bahawa majlis Sulh membantu dan membimbing pihak-pihak berkonflik untuk berbincang, berunding dan mencari persetujuan bersama dalam mencapai penyelesaian. Kajian tentang penggunaan kaedah Sulh di mahkamah Syariah Tawau terhadap hak hadanah anak disebabkan oleh perceraian kedua ibu bapa mendapati terdapat kes yang berjaya diselesaikan menggunakan kaedah ini dan terdapat kes yang tidak berjaya diselesaikan menggunakan kaedah ini. Adapun konflik yang berbangkit dalam kalangan penduduk asal negeri Sabah diselesaikan dengan menggunakan kaedah undang-undang adat iaitu setiap pesalah akan dikenakan hukuman denda kepanasan kampung atau sogit. Hal tersebut bertujuan untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk tidak mengulangi perbuatan itu lagi sekaligus untuk mengekalkan keharmonian dalam kalangan masyarakat di negeri Sabah. Hukuman denda yang dikenakan kepada pesalah bergantung kepada kesalahan yang dilakukan dan merujuk kepada denda yang telah ditetapkan dalam hukum adat (Pg Ismail & Siti Zubaidah 2018: 6-8).

Seterusnya, kajian yang dilaksanakan oleh Jikat @ Binol Darimbang (2021) yang bertajuk pendekatan keseimbangan dan keadilan dalam undang-undang adat Masyarakat Kimaragang Sabah mendapati bahawa mangsa yang teraniaya ketika berlakunya pergaduhan dalam kalangan penduduk kampung Kimaragang perlu diberi perhatian dan diberikan didikan dalam menyelesaikan permasalahan yang berbangkit. Oleh itu, penyelesaian pertikaian yang digunakan oleh masyarakat Kimaragang adalah berasaskan undang-undang pelanggaran adat dengan mengenakan *sogit* (denda) dalam bentuk binatang berdarah atau pemberian barangan logam di atas kesalahan yang berlaku. Kerana sogit yang diamalkan sebagai instrumen perdamaian. Justeru, dapat dilihat dengan jelas bahawasanya pendekatan pengurusan konflik di Sabah adalah berteraskan undang-undang adat.

Kajian lain yang dijalankan oleh Kee. Y. Sabariah et. al (2014) terhadap pendekatan pengurusan konflik serta hubungannya dengan amalan *Interest Based Bargaining (IBB)* bagi kesatuan pekerja perindustrian di Sabah mendapati bahawa pengurusan konflik dengan bertolak ansur mempunyai hubungan signifikan dengan amalan IBB. Bahkan ia juga menjadi peramal yang baik dengan amalan IBB di kalangan pemimpin kesatuan sekerja perindustrian di Sabah. Namun pendekatan konflik secara bekerjasama tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan IBB dalam kalangan kesatuan perindustrian di Sabah. Oleh tu, penyelesaian konflik secara tolak ansur adalah kaedah yang terbak dalam mengurus konflik yang berbangkit dalam kalangan kesatuan sekerja perindustrian di Sabah.

Terdapat juga NGO Islam di Sabah yang memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan bagi mengelakkan pertikaian dan perselisihan faham seperti persatuan United Sabah Islamic Association (USIA) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Malah NGO Islam ini sangat memberi komitmen yang tinggi dalam memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat Sabah. NGO Islam ini juga berusaha memberi kesedaran tentang tanggungjawab masyarakat melalui penganjuran program perpaduan nasional (Abd Hakim et.al 2018). Oleh itu, NGO Islam turut memainkan peranan penting dalam mencegah berlakunya konflik dan perpecahan dalam kalangan masyarakat beragama di Sabah dengan menerapkan kesedaran tentang tanggungjawab dalam memelihara perpaduan dalam kalangan masyarakat Sabah.

Ringkasnya, pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan konflik yang berlaku dalam kalangan penduduk asal adalah Mahkamah Anak Negeri disebabkan mereka terikat dengan undang-undang adat. Oleh itu, sekiranya berlaku pelanggaran adat dalam kalangan penduduk asal Sabah termasuklah penduduk yang beragama Islam, maka mereka akan dikenakan hukuman mengikut undang-undang adat sesuai dengan kesalahan yang dilakukan. Selain itu, pengkaji turut melihat peranan ketua kampung dalam menyelesaikan isu mahupun konflik yang berbangkit dalam kalangan penduduk kampung. Permasalahan yang diselesaikan oleh penduduk kampung tanpa mengira individu tersebut penduduk asal Sabah mahupun tidak. Sekiranya, ketua kampung tidak berjaya dalam mengendalikan permasalahan yang berbangkit dalam kalangan penduduk kampung. Maka kes tersebut akan di bawa ke bahagian Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan penganalisan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas di atas, pengkaji mendapati bahawa wujudnya hubungan baik dalam kalangan masyarakat beragama di negeri Sabah. Suasana kehidupan beragama di Sabah juga sangat harmoni. Namun, dalam mengekalkan hubungan baik antara agama di Sabah, ianya berdepan dengan pelbagai cabaran yang datang daripada dalam mahupun luar negeri Sabah. Antaranya, cabaran politik, media massa, ancaman keselamatan negeri, kerja dakwah-dakwah secara besar-besaran sehingga menimbulkan ketidakeselesaan dalam kalangan masyarakat Sabah serta budaya politik yang berasaskan etnik. Walaupun begitu, politik dilihat sebagai cabaran utama dalam mengekalkan keharmonian antara agama di Sabah. Manakala, isu-isu keagamaan yang berbangkit di negeri Sabah melibatkan isu teologi, isu tuntutan hak sosial dan juga isu sosial. Antara isu keagamaan yang berbangkit melibatkan isu pertukaran agama disebabkan oleh perkahwinan campur antara agama, isu penyebaran Islam di Sabah semasa era pemerintahan parti Pentadbiran Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), isu pengesahan status agama anak yang berlaku disebabkan oleh perkahwinan adat, isu kekeliruan netizen terhadap pengalaman sogit (denda kepanasan kampung) dan beberapa isu lain. Manakala pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan isu mahupun konflik yang berbangkit dalam kalangan masyarakat Sabah adalah Mahkamah Anak Negeri bagi kesalahan pelanggaran adat yang dilakukan oleh penduduk asal negeri Sabah dan ketua kampung bagi permasalahan yang berbangkit dalam kalangan penduduk kampung. Keseluruhan analisis pengkaji mendapati bahawa kajian tentang cabaran dalam mengekalkan hubungan baik antara agama, kajian tentang isu-isu sensitif agama di Sabah serta amalan pendekatan pengurusan konflik antara penganut agama masih kurang diketengahkan secara penulisan Ilmiah. Malah perbincangan berkait dengan isu-isu sensitif agama hanya banyak dibincangkan melalui media sosial sahaja tanpa berlakunya pengkajian secara ilmiah. Justeru, wujudnya kelompangan kajian berkait isu-isu sensitif dalam kalangan penganut agama di Sabah serta amalan pendekatan pengurusan konflik agama. Oleh itu, pengkaji seterusnya boleh memfokuskan kajian mereka terhadap aspek tersebut.



## RUJUKAN

- Abd Hakim Mohad, Yusten Karulus, Saini Ag Damit, Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu, Ros Aiza Mohd Mokhtar, Ahmad Tarmizi Talib & Sarjit S. Gill. (2015). Memahami sikap masyarakat Kristian terhadap masyarakat Islam di Sabah: Pasca Isu larangan menggunakan kalimah Allah. *Proceeding of International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21 Century*. Hlm: 515-527.
- Abd Hakim Mohad, Ros Aiza Mohd Mokhtar & Mufidah Binti Ruji Juman. (2018). Peranan NGO Islam di Sabah dalam memupuk perpaduan masyarakat: satu tinjauan awal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. Hlm:97-108
- Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit Singh Darshan Singh, Abdul Hakim Mohad dan Ridzuan Firdaus @ Agus Payong. 2017. Kajian Isu dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama di Sabah, Malaysia. *Pembiayaan Geran Penyelidikan: Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional*.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2017. *Mengenal Kuantitatif dan Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anon. 2020. Sabahans Lancar Kempen “Sabah Tolak PAS”. IniSabahBah. <https://IniSabahBah.com/Sabahans-lancar-kempen-Sabah-tolak-PAS/?lang=ms>. Accessed [16 December 2020].
- Alexzender Ginli. (2018). Isu Keagamaan dalam Era Pentadbiran Parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO), 1967-1976. *Jurnal Borneo Arkhailogia*. 3(2): 133-141.
- Azlizan Mat Eh & Salbiya Jamaluddin. 2021. Struktural ekosistem dan tadbir urus Mahkamah Anak Negeri di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 6(8).
- Bainol Lazimin. (2018). Strategi Kristianisasi di daerah Kota Marudu, 1985-1994. *Jurnal Borneo Arkhailogia*. 3(2): 185-199.
- Budi Anto Mohd Tamring. (2008). Pengaruh Agama dalam Interkasi dan Toleransi Etnik: Kajian Kes terhadap pelajar Bumiputera Bajau dan Kadazan di Universiti Malaysia Sabah. Dr. Fal, Tesis Sarjana. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Budi Anto Mohd Tamring. (2018). Mikorot Dalam Konteks Kebudayaan Etnik Dusun di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hubungan Etnik. *MANU*, 27. Hlm: 93-120.
- Budi Anto Mohd Tamring & Saidatul Nornis Hj. Mahadi. (2020). Hubungan Kaum di Sabah: Satu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Science and Humanities (MJSSH)*: Universiti Malaysia Sabah. 5(10): 95-104.
- Budi Anto Mohd Tamring & Saidatul Nornis Mahali. (2020). Amalan Kahwin Campur dalam kalangan masyarakat di Kota Kinabalu, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(9): 149-162.
- Chong Han San & Low Ai Fuah. 2008. *The Tamu Sabah's Native Market*. Opus Publication.
- Ginsari, S. (2015). Hubungan Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan Negeri Sabah 1963-1985. Tesis PhD. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

- Izham Unnip Abdullah. (2018). Perpaduan, toleransi kaum, agama, asas kekuatan di Sabah. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/node/408342/amp>. accessed on Ogos 4 2022].
- Kee. Y. Sabariah Kee Mohd Yussof & Husna Johari. (2014). Pendekatan Pengurusan Konflik dan Hubungannya dengan amalan Interest Based Bargaining (IBB): Kajian ke atas pemimpin kesatuan sekerja perindustrian di Sabah. *Journal of Techo Social*. 6(2): 63-80.
- Nevashiny Karuppiyah & Rasazman Hussin. (2021). Perkahwinan komuniti Sino-Kadazan di Kota Kinabalu, Sabah: Memahami Cabaran Identiti, pelbagai, adat dan hubungan harmoni dalam keluarga. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*. 7(1): 86-101.
- Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah, 1881-1884*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Adira Aratin. 2018. Sejarah Perkembangan Islam: Impaknya terhadap sosiobudaya masyarakat Dusun di mukim Kundasang (1950-2000an). Disertasi Dr. Fal, Fakulti Kemanusiaan, Seni Warisan. Sabah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Azian Aratin. (2021). Keharmonian Antara Penganut Muslim dan Kristian di Sabah. Disertasi Dr. Fal, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Azian Aratin, Nur Farhana Abdul Rahman & Jaffary Awang. (2021). Social interaction Pattern in Muslim-Christian Relation in Ranau, Sabah. *International Journal of Business and Social Science*. 12(5): 40-47.
- Pg Ismail Pg Musa & Siti Zubaidah Ismail. (2015). Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah. *Jurnal Syariah*. 23(1): 55-78.
- Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail & Narizan Abdur Rahman. (2018). Amalan sogit ke atas anak negeri Sabah beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian perspektif hukum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*: Universiti of Malaya. Bil.19: 1-17.
- Pg Ismail Pg Musa, Siti Zubaidah Ismail & Narizan Abdur Rahman. (2020). Undang-undang pelanggaran adat di Mahkamah Anak Negeri: Konflik pemakaiannya terhadap orang Islam dalam kerangka perundangan plural di Sabah. *E-journal of Islamic Thought and Understanding*: Universiti of Malaya. Volume 1: 71-87.
- Rafidah @ Malissa Binti Salleh, Lenny James Matah & Ku Mohd Amir Aizat Ku Yusof. (2019). Sistem Kehakiman Anak Negeri Sabah dalam Konteks Perlaksanaan Hukuman & Denda Adat. *Borneo Akademika*. 3(1): 9-18.
- Rafidah Binti Ahmad, Noraini Binti Luchin & Johan Severinus Tati. (2021). Toleransi agama & budaya dalam perspektif Islam. *Jurnal Pengajian Umum*. Vol (2).
- Rosazman Hussin, Johan Johnes, Jabil Mapjabil, Jeannet Stephen & Jurry Foo @ Jurry Bt. F. Michael. (2021). Struktural ekosistem dan tadbir urus Mahkamah Anak Negeri di Sabah. *Malaysian Journal of Social Science dan Humanities (MJSSH)*: Universiti Malaysia Sabah. 6(8): 281-292.
- Sharifah Darmia Binti Sharif Adam. (2020). Pengaruh budaya dalam keharmonian etnik di Sabah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Hlm: 62-68.

- Shaharuddin Badaruddin, Azman Ayob & Mazlan Che Sah. (2015). Belia & 1 Malaysia: Antara Cabaran dan Harapan. *Malaysian Journal of Youth Studies*.
- Supain & Siti Norshahanie. (2017). Toleransi Antara Umat Beragama di Sipitang Sabah, Malaysia. Diploma Tesis, UIN Sunan Gunung Djati Bandung: Indonesia.
- Suraya Sintang & Budi Anto Mohd Tamring. 2015. Menjana Keharmonian Melalui Kahwin Campur: Kajian Kes di daerah Keningau. Laporan Kajian Geran SBK0113-SS-2013 UMS.
- Suhaili Abdul Rahman & Kamarul Nizam Abdullah. (2018). Mengurus Keselamatan Sabah: Dilema dan Realiti. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities*. 3(5): 55-67.
- Suraya Sintang, Budi Anto Mohd Tamring, Nur Farhana Abdul Rahman, Siti Aidah Hj Lukin & Halina Sendera Mohd Yakin. (2019). Kesepaduan Sosial Hubungan Antara Agama di Pedalaman Sabah. *Borneo International Journal*. 2(1): 5-15.
- Suraya Sintang, Budi Anto Mohd Tamring, Siti Aidah Hj. Lukin @ Lokin & Halina Sendera Mohd Yakim. (2019). Fenomena Agama di Pedalaman Sabah. *Journal of History Department: Universiti of Malaya*. 28(2): 187-199.
- Suraya Sintang, Khadijah Hambali, Mohd Nazmi Mohd Khalil & Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin. (2022). Soladariti agama dalam hubungan Inter-Komuniti di Sabah. *Akademika*. 92(2). 187-205.
- Tarmizi M. Jakfar & Nur Azizah Fayyadhah Binti Baharuddin. (2018). Peran Majelis *Sulh* dalam penyelesaian hak hadhanah pasca perceraian (studi kasus di Mahkamah Syariah Kabupaten Tawau, Provinsi Sabah, Negara Malaysia). *Jurnal Hukum Keluarga & Hukum Islam*. 2(1): 195-215.